



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 24 OGOS 2023**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	KETETAPAN TAKLIMAT
SH/SUKNS/ BIL.18/2023	Tawaran Sebut Harga Membekal Cenderahati Untuk Kegunaan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Peringatan: Kehadiran taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat.	030201	RM50.00 setiap satu borang	Tarikh: 30 Ogos 2023 Masa: 10.00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Teratai, Tingkat G Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **30 Ogos 2023 (selepas sesi taklimat) hingga 5 September 2023** pada waktu pejabat (**9.00 pagi – 4.00 petang**) di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari, 6 September 2023 (Rabu)**. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai sebut harga ini, boleh menghubungi Unit Kewangan di talian berikut **06-760 2045 / 06-765 9917**